



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS APRESIASI LABUAN  
INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC)  
2019**

**MEDAN SELERA WP LABUAN**

**28 APRIL 2019 (AHAD)**

**7.45 MALAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullah wabakaratu,

dan Salam Sejahtera

Terima kasih pengacara majlis,

(Rujuk salutasi)

Datuk Seri, Datin Seri, datuk-datuk, datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah atas limpah kurnia Ilahi kita diizinkan untuk bersama-sama berada di Medan Selera pada malam ini sempena **Majlis Penutup Labuan International Sea Challenge 2019**. Saya difahamkan, pada tahun ini sebanyak 17 acara diadakan yang terdiri daripada 3 acara utama dan 14 acara sokongan.

2. Berdasarkan pencapaian prestasi acara ini, lebih 1,300 orang peserta telah menyertai acara-acara utama dan sokongan yang melibatkan 16 buah negara. Apa yang lebih menarik, LISC 2019 telah menempa 2 rekod di dalam *Malaysia Book of Record* iaitu memecahkan rekod penyertaan paling ramai untuk acara berenang antara pulau ke pulau yang berjaya dicapai menerusi acara *Labuan Cross Swimming Channel* dengan jumlah peserta seramai 165 orang. Jumlah ini telah memadamkan rekod sebelum ini iaitu 103 orang yang telah dicipta semasa LISC 2009.

3. Satu rekod baharu pula dicipta menerusi acara Round Island Kayak Challenge yang telah mengiktiraf laluan berkayak mengelilingi pulau yang terpanjang di Malaysia iaitu sejauh 53 kilometer. Dengan kejayaan ini telah menambah rekod LISC di dalam MBR yang sebelum ini telah mencipta 3 rekod iaitu penyertaan paling ramai

untuk acara berenang antara pulau ke pulau, penyertaan paling ramai untuk acara berkayak mengelilingi pulau dan penyertaan paling ramai untuk acara lumba perahu.

4. Selain matlamat menjadikan acara LISC ini sukan laut yang berprestij, tanggungjawab sosial bagi tujuan memberi kebajikan juga tidak dilupakan. Pada petang tadi, saya turut menyaksikan pameran ikan hasil tangkapan para peserta pertandingan LISC DAIWA Fishing Tournament yang telah bersaing di perairan Pulau Layang-Layang di Kepulauan Spratly. Ikan-ikan tersebut juga telah dilelong dan hasil lelongan itu akan disumbangkan kepada Pusat Pendidikan Autisme Labuan sebagai program CSR para peserta dan pengelola acara ini. Menerusi usaha murni ini, saya pasti LISC bukan sahaja dinantikan oleh peminat-peminatnya namun turut dirasai manfaatnya di kalangan badan-badan

NGO. Untuk itu, saya amat menghargai kolaborasi semua pihak yang terlibat menjayakan acara LISC kerana tanpa kerjasama dan sokongan seperti ini adalah tidak mudah kita mencapai matlamat penganjuran.

Datuk Seri, Datin Seri, datuk-datuk, datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Majlis Apresiasi LISC kali ini dibuat di Medan Selera Labuan yang baharu yang telah pun diadakan majlis perasmianya petang semalam. Selain bertujuan untuk mengoptimumkan perbelanjaan penganjur, acara LISC dijadikan sebagai medium untuk mempromosikan Medan Selera ini kepada orang ramai termasuklah para peserta LISC khasnya yang datang dari luar.

6. Sebagai kesinambungan, saya sekali lagi menggesa kepada para peniaga di medan ini

supaya perlu kreatif dan memberikan perkhidmatan yang baik untuk menarik minat pelanggan. Kelebihan yang terdapat di sini ialah kawasan Medan Selera sangat luas dan mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih selesa apabila mengadakan aktiviti seperti sambutan hari keluarga agensi, pertandingan kebudayaan, pertandingan e-sports dan sebagainya.

Datuk Seri, Datin Seri, datuk-datuk, datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Dalam merancakkan industri pelancongan di Labuan, pembangunan produk pelancongan diperlukan sama ada produk yang sedia ada atau baru dibangunkan. Bagi produk pelancongan yang baru, perkara ini memerlukan peruntukan yang lebih besar dan akan mengambil masa untuk dilaksanakan berbanding produk pelancongan yang sedia ada.

8. Salah satu usaha untuk menambah baik produk sedia ada ialah Taman Burung Labuan yang sudah berusia 22 tahun. Saya difahamkan Taman Burung Labuan merupakan satu-satunya taman burung milik kerajaan di pulau Borneo. Jika sebelum ini, orang awam berpandangan bahawa Taman Burung Labuan adalah seperti sebuah zoo. Namun Taman Burung Labuan berperanan lebih daripada zoo apabila di taman ini turut diadakan aktiviti pemuliharaan seperti pembiakan burung spesis terancam, memulihkan burung di dalam taman dan burung migrasi serta melakukan aktiviti melepaskan burung yang berjaya dibiakkan ke habitat semula jadi.

9. Terdapat 1 spesis burung yang dikategorikan spesis terancam dengan jumlah tidak lebih daripada 30 ekor di serata dunia. Istimewanya, seekor daripada spesis ini ada dipelihara di taman

ini. Aktiviti seperti *bird feeding* sedang dalam kajian akhir Jabatan Perkhidmatan Veteriner sebelum para pengunjung boleh menyertai aktiviti ini yang dijadualkan pada jam 8 hingga 9 pagi dan 2 hingga 3 petang setiap hari. Manakala program pelepasan burung ke habitat semula jadi telah diadakan sejak 2017 yang melibatkan lebih 40 ekor burung daripada pelbagai spesis.

10. Esok, 29 April 2019, saya difahamkan sebanyak 20 ekor lagi daripada spesis Herron, bangau dan merpati akan dilepaskan di taman paya bakau Kinabenuwa pada jam 2.00 petang. Syabas diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veteriner Labuan yang penuh komited melestarikan kepentingan Taman Burung Labuan.

11. Kepada warga Labuan khasnya para dermawan, pencinta mergastua, dan belia, saya menyeru agar sama-sama mengambil bahagian di

dalam program CSR yang diadakan di Taman Burung Labuan seperti program penajaan pemuliharaan burung, aktiviti gotong-royong membersihkan taman, aktiviti mengecat dan menceriakan landskap. Pada malam ini juga kita akan melancarkan buku Profil Penajaan Taman Burung yang diusahakan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan.

**Datuk-datuk, datin-datin, serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

12. Pada tahun ini, beberapa acara telah dirancang untuk diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan. Acara Jetski F1 akan diadakan pada bulan Julai 2019 bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Ini adalah sebagai usaha percubaan untuk menjadikan acara Jetski

F1 sebagai acara utama LISC pada tahun 2020. Bagi memastikan acara ini berjaya, saya berharap badan-badan korporat dapat memberikan sokongan dalam bentuk sebarang tajaan yang boleh membantu kos penganjuran acara ini. Sekiranya semua pihak memberi kerjasama dan sokongan, saya pasti Labuan mampu menawarkan lokasi pertandingan acara ini setiap tahun dan akan memberikan keyakinan kepada pengajur untuk memasukkan Labuan sebagai siri jelajah bagi acara jet ski di peringkat nasional dan antarabangsa.

13. Saya juga dimaklumkan terdapat juga acara yang akan dilaksanakan oleh pihak swasta iaitu program Labuan Big Show (LABS) pada 5 hingga 7 Julai 2019. Acara ini dijangka bakal menjadi tarikan pengunjung ke Labuan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya aktiviti menaiki belon

udara panas yang merupakan pertama kali diadakan di Labuan.

14. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada penganjur kerana mempunyai inisiatif untuk memeriahkan kalender pelancongan Labuan sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi sektor pelancongan. Kerajaan amat mengharapkan usaha-usaha seperti ini diteruskan dan tidak bergantung kepada pihak Kerajaan semata-mata untuk membuat aktiviti atau acara-acara di Labuan.

**Datuk-datuk, datin-datin, serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

15. Untuk penganjuran LISC 2020, Jawatankuasa Induk LISC telah memutuskan penetapan tarikh acara LISC bagi tahun hadapan ialah pada 26 hingga 28 Jun 2020. Ini bermakna LISC pada

tahun ini adalah yang terakhir diadakan pada bulan April. LISC 2020 diadakan pada bulan Jun kerana bulan Ramadhan dan Syawal jatuh pada bulan April dan Mei 2020. Adalah diharapkan dengan pengumuman ini, semua peserta, pengelola dan orang ramai boleh membuat persiapan awal dan memastikan perancangan untuk penyertaan LISC dapat dilakukan dengan lebih baik.

16. Saya juga dengan rasa hormat mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Perbadanan Labuan, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Seni serta Tourism Malaysia yang telah mengurusetiakan acara ini dengan jayanya.

17. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi kerajaan, persatuan NGO dan

pengelola acara yang menyumbang tenaga, masa dan kewangan dalam memastikan persiapan LISC 2019 berjalan dengan lancar.

18. Tidak lupa juga saya hadiahkan ucapan tahniah kepada semua peserta LISC yang telah menyertai dan mengikuti acara-acara yang dijalankan. Kalah menang adat bertanding. Jika ingin menebus kekecewaan pada tahun ini, apa kata anda buat persiapan lebih awal untuk memberikan persaingan yang hebat semasa LISC 2020.

19. Selain dari program menarik pelancong sebegini, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan juga sedang merangka pelbagai jenis projek untuk Labuan. Jambatan menghubungkan Labuan ke Sabah, feri pengangkutan baru dari Kota Kinabalu ke Labuan, terminal feri baru untuk kenderaan sahaja dan beberapa lagi projek sedang kami

usahaakan untuk Labuan. Doakan semoga apa yang kita rancangkan ini direstui Allah untuk dilaksanakan.

20. Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, saya merasmikan MAJLIS APRESIASI LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE 2019.

Sekian, Wabilahhitaufik walhidayah  
wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.